



KENYATAAN TENDER

KERJA-KERJA PENGGANTIAN SISTEM LIF BAHARU DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK A DAN C PANGSAPURI PUTRA DAMAI, PRESINT 11, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH LAPAN BELAS (18) BULAN (NO. TENDER : PPj/JB/T/0023/2025)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>Gred : G4 atau ke atas</p> <p>Kategori: ME</p> <p>Pengkhususan: M03 (Lift dan Eskalator)</p> <p>DAN</p> <p>(Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN)</p>	<p>27 Mei 2025 (Selasa)</p> <p>02:30 petang</p> <p>TAKLIMAT:</p> <p>Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.</p> <p>(DIWAJIBKAN)</p>	<p>30 Mei 2025 (Jumaat)</p> <p>Sehingga</p> <p>13 Jun 2025 (Jumaat)</p> <p>web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage</p>	<p>Ringgit Malaysia RM100.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage</p>	<p>26 Jun 2025 (Khamis)</p> <p>12:00 tengah hari</p> <p>Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.</p>

3. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Taklimat tender akan diadakan pada **27 Mei 2025 (Selasa), 02.30 petang** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan **Cap Syarikat**.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
6. Tender ini akan ditutup pada **26 Jun 2025 (Khamis), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini **dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Pendaftaran Syarikat)**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.